

Headline	Roelant sifatkan Arul pilihan terbaik		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	17 Jul 2020	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	54,56
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	226 cm ²		
PR Value	RM 14,373		



Roelant sifatkan Arul pilihan terbaik

KETUA jurulatih skuad *Malaysian Tigers*, Roelant Oltmans seolah-olah sudah bersedia untuk menamatkan tugas kejurulatihannya di Malaysia selepas kontraknya tamat akhir tahun ini.

Ia selepas Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) melantik jurulatih skuad hoki Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Arul Selvaraj sebagai ketua penolong jurulatih yang berpotensi mengambil alih tugas Roelant.

Ketika ditanya mengenai pelantikan Arul, jurulatih berusia 66 tahun dari Belanda itu merasakan KHM sudah merancang penggantinya.

“Ia adalah sesuatu yang baik jika sudah ada orang baharu akan datang... semua orang tahu pada akhir tahun ini, kontrak saya akan tamat. MHC telah merencanakan semuanya.

“Itulah situasinya, Arul telah menunjukkan prestasi yang baik membimbing UniKL sepanjang dua tahun lepas dan dia seorang yang berpengalaman di Malaysia. Itu adalah pilihan yang terbaik,” kata bekas jurulatih yang membimbing skuad Belanda memenangi Piala Dunia 1998 dan Olimpik 1996 itu kepada pemerita semasa sesi latihan pasukan kebangsaan di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.



ROELANT OLTMANS

MHC pada Isnin lalu telah mengumumkan bahawa Arul akan berada dalam pasukan kejurulatihan Roelant bermula 15 Ogos ini tetapi kedudukan beliau adalah selaku ketua kepada dua lagi penolong jurulatih iaitu Muhammad Amin Rahim dan jurulatih penjaga gol, Nasihin Nubli Ibrahim.

Arul, bekas pemain kebangsaan itu mempunyai pengalaman kejurulatihan di Malaysia, Afrika Selatan dan Ireland selain UniKL di mana beliau telah membantu pasukan universiti itu meraih *treble* Liga Hoki Malaysia pada Februari lalu dengan memenangi kejuaraan liga, Piala Sumbangsih dan Piala TNB.

Sementara itu, Roelant yang sedang mempersiapkan pasukannya bagi menghadapi Piala Juara-Juara Asia di Dhaka, Bangladesh pada November ini berpuas hati melihat skuad *Malaysian Tigers* dapat menyambung semula latihan kontak penuh bermula semalam.

“Ini akan membantu kita mencapai objektif tertentu yang ingin kita perbaiki dalam situasi permainan. Empat bulan tanpa latihan kompetitif adalah satu tempoh yang agak panjang,” katanya, sambil menambah bahawa anak didiknya dijadualkan menjalani ujian kecergasan pada Ogos depan.